



ISDC2014 CONFERENCE PROCEEDINGS

ISBN: 978-967-0474-74-8

TREN GUNA TENAGA BURUH MENGIKUT SEKTOR PEKERJAAN DAN TAHAP PENDIDIKAN DARI TAHUN 2001 HINGGA 2012

Ngo Jian Yee*, Muhamad Roslan Omar, Mohd Mahzan Awang, Faridah Mydin Kutty & Abdul Razaq Ahmad

**ngojianyee@yahoo.com*

Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Abstract

Indeks Kemakmuran Legatum menyenaraikan lapan sub-indeks yang merangkumi 89 pemboleh ubah untuk pengukuran kemakmuran Negara. Aspek ekonomi termasuk pemboleh ubah guna tenaga dan aspek tahap pendidikan kekal sebagai penyumbang utama kepada kemakmuran sesebuah negara bersama dengan sub-indeks pentadbiran, kesihatan, keselamatan, kebebasan peribadi, modal sosial dan peluang keusahawanan. Kertas ini menumpu kepada menganalisis tren guna tenaga mengikut sektor pekerjaan dan tahap pendidikan di Malaysia sepanjang tempoh dua belas tahun bermula tahun 2001 hingga 2012. Selain daripada situasi keseluruhan Malaysia, guna tenaga mengikut sektor pekerjaan dan tahap pendidikan mengikut pecahan negeri juga diberi perhatian. Kaedah analisis siri masa (time series analysis) berdasarkan data sekunder yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan kaedah utama yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan guna tenaga buruh bertambah pada kadar purata 2.2 peratus setahun. Sektor perkhidmatan terus merupakan bahagian terbesar daripada jumlah guna tenaga buruh sejak tahun 2004 hingga tahun 2012 dan mengalami pertumbuhan guna tenaga buruh purata 4.2 peratus setahun. Sektor yang paling banyak mengalami penurunan dalam peratusan penggunaan tenaga buruh ialah sektor pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan. Guna tenaga di Negeri Selangor jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain, diikuti oleh Johor dan Sabah. Analisis juga menunjukkan bahawa berlaku pertambahan mendadak dalam bilangan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi bagi tempoh 12 tahun. Melalui analisis terperinci terhadap taburan guna tenaga dan tahap pendidikan tenaga buruh, kami akan dapat mengetahui situasi sebenar struktur ekonomi Malaysia yang boleh dijadikan sebagai satu rujukan penting untuk menilai keberkesanan dasar pembangunan Negara dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan Malaysia.

Keywords: *guna tenaga, tahap pendidikan, sektor pekerjaan, kemakmuran negara*

PENGENALAN

Apa itu kesejahteraan? Kesejahteraan merupakan satu keadaan yang sangat diidamkan oleh segenap umat manusia. Tetapi terdapat terlalu banyak definisi tentang kesejahteraan dan setakat ini masih tidak mempunyai pemahaman muktamad tentang pengertian kesejahteraan. Walau bagaimanapun, dalam dunia moden sekarang, tidak dapat dinafikan aspek pendapatan merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi kesejahteraan hidup setiap individu. Satu penilaian global tentang kekayaan dan kesejahteraan hidup rakyat

di 142 buah negara berasaskan penilaian terhadap faktor-faktor kekayaan, pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup telah dibangunkan oleh Legatum Institut sejak tahun 2007. Hasil daripada penilaian ini, satu Indeks kemakmuran Legatum akan dikemukakan. Indeks ini telah menyenaraikan lapan aspek utama sebagai faktor utama yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup termasuk aspek ekonomi yang mengambil kira pemboleh ubah guna tenaga dan pendapatan serta aspek tahap pendidikan.

Sumber utama pendapatan isi rumah adalah daripada pekerjaan (KS. Jomo & CH. Wee, 2014). Kebanyakan keluarga di Malaysia bergantung kepada dapatan daripada pekerjaan sebagai sumber pendapatan keluarga untuk menanggung segala perbelanjaan keluarga dan mencapai kesejahteraan hidup. Pendapatan yang mencukupi merupakan faktor yang penting dalam mencapai kualiti hidup yang tinggi dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat. Maka, adalah penting sesebuah masyarakat dapat memastikan terdapat peluang pekerjaan yang mencukupi bagi menampung keperluan populasinya terhadap pekerjaan.

Dasar pembangunan ekonomi negara telah memberi kesan kepada corak guna tenaga di Malaysia. Pada tahun 1960-an hingga awal tahun 1970-an, sektor pertanian merupakan sektor utama dalam penawaran peluang pekerjaan. Apabila negara memperkenalkan perindustrian berintensifkan buruh bagi menggantikan pertanian sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara, proses perindustrian dan urbanisasi yang berlaku telah mengubah corak guna tenaga secara beransur-ansur kepada sektor perkilangan dan pembinaan. Banyak peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dalam sektor perkilangan bagi mengimbangi kemerosotan kadar pertumbuhan guna tenaga di sektor pertanian.

Selain daripada pendapatan, pendidikan juga dianggap sebagai agen perubahan dan peningkatan kualiti hidup yang boleh membawa kepada kesejahteraan hidup individu dan keluarga. Ross dan Wu (1996) melaporkan impak yang paling besar yang membawa kepada perolehan, pengekalan dan perubahan kualiti kehidupan adalah melalui pendidikan yang diterima oleh sesebuah masyarakat. Ross dan Wu (1996) menjelaskan melalui pendidikan yang diterima boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti melalui faktor ekonomi dan sosial. Jika prestasi pendidikan yang rendah diterima oleh sesebuah masyarakat ianya sudah pasti memberi kesan negatif kepada masa depan negara memandangkan tahap pendidikan yang tinggi berkait rapat dengan kadar pertumbuhan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi memerlukan tenaga buruh yang berkemahiran tinggi agar ia selari dengan perkembangan global. Ini kerana produktiviti buruh merupakan penentu bagi kebolehsaingan negara dalam pasaran global. Secara umumnya, produktiviti buruh di Malaysia menunjukkan peningkatan dari 1.8 peratus pada tempoh 1995-2000 kepada 2.8 peratus pada tempoh 2000-2005. Namun begitu, ianya masih berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan produktiviti buruh di negara China, Korea dan Singapura. Manakala, jika dibandingkan dengan negara serantau lain seperti Filipina, Vietnam, Thailand dan Indonesia, Malaysia berada masih berada kedudukan lebih tinggi dalam pencapaian produktiviti buruh. (Labour and Social Trends in ASEAN, 2007).

Produktiviti buruh yang berupaya memenuhi kehendak pasaran merupakan strategik pertumbuhan ekonomi yang merupakan pelaburan modal manusia menerusi pendidikan dan latihan yang diterima. Oleh itu, dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan modal insan adalah perlu untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor-sektor yang mempunyai potensi. Kajian yang dijalankan di Slovenia, di mana firma yang terlibat dalam eksport akan membawa kepada tahap produktiviti yang tinggi dan firma tersebut akan kekal produktif dan berdaya saing dalam pasaran (Loecker 2007). Selain itu, pelaburan langsung asing (FDI) memberikan kesan yang positif kepada pertumbuhan produktiviti melalui teknologi dan kemahiran pengurusan. Manakala, firma-firma tempatan yang menjalankan R&D berupaya meningkatkan tahap produktiviti (Lee 2011).

Oleh itu, kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang tinggi adalah antara ciri utama modal insan dan tenaga kerja negara berpendapatan tinggi.

Kependudukan dan tenaga buruh

Jumlah populasi Malaysia mengalami peningkatan pada kadar purata 1.9 peratus setahun daripada 24.0 juta kepada 29.5 juta dari tahun 2001 hingga 2012. Pendudukan yang berumur di bawah umur 15 tahun mengalami sedikit penurunan dari 8.1 juta kepada 7.8 juta pada jangka masa yang sama. Manakala penduduk yang berumur 15 tahun hingga 65 tahun meningkat daripada 15.0 juta pada tahun 2001 kepada 20.1 juta pada tahun 2012. Oleh yang demikian, peratusan penduduk kumpulan umur 0-14 tahun daripada jumlah penduduk berkurang daripada 33.6 peratus pada tahun 2001 kepada 26.4 peratus pada tahun 2012, sebaliknya peratusan rakyat kumpulan umur 15-65 tahun bertambah kepada 68.3 peratus pada tahun 2012 daripada 62.3 peratus pada tahun 2001. Pada masa yang sama, peratusan kumpulan umur 65 tahun ke atas juga meningkat dari 4.1 peratus pada tahun 2001 kepada 5.3 pada tahun 2012. Ini mencerminkan kadar

kesuburan keseluruhan rakyat Malaysia semakin berkurang dalam tempoh 12 tahun daripada tahun 2001 hingga 2012.

Struktur umur penduduk Malaysia telah berubah ekoran daripada perubahan kadar kesuburan ini. Pertubuhan demografi ini memberi kesan ketara kepada ekonomi Malaysia. Ini bermakna Malaysia perlu mengwujudkan lebih peluang pekerjaan serta penyediaan kemudahan pendidikan dan latihan yang lebih banyak untuk menampung keperluan yang wujud ekoran daripada pertumbuhan penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Ini dibuktikan oleh data jabatan perangkaan Malaysia yang menunjukkan jumlah keseluruhan tenaga buruh di Malaysia bertambah daripada 9.7 juta pada tahun 2001 kepada 13.1 juta pada tahun 2012. Peratusan guna tenaga pula telah mencatatkan penurunan sebanyak 2.7 peratus daripada 65.4 peratus pada tahun kepada 62.7 peratus pada tahun 2010, dengan kadar pengangguran mencapai 3.4 peratus pada tahun 2010 daripada 3.1 peratus daripada tahun 2000.

Memandangkan jumlah bilangan penduduk dalam lingkungan umur sesuai bekerja, tenaga buruh semakin meningkat dan terus meningkat, peratusan tenaga buruh berbanding dengan peratusan penduduk diluar tenaga buruh, iaitu penduduk yang berumur bawah daripada 15 tahun dan lebih daripada 65 tahun, menjadi semakin besar dan terus membesar. Keadaan ini membawa kepada nisbah tanggungan bagi setiap 100 orang tenaga buruh menjadi semakin kecil. Ini merupakan faktor penyumbang yang positif kepada keadaan ekonomi yang sihat.

Masyarakat Malaysia juga mengalami pengalihan pendudukan yang sangat ketara daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Walaupun proses urbanisasi telah bermula sejak kemerdekaan lagi, penambahan populasi bandar menjadi lebih ketara sejak tahun 1980-an kerana perkembangan sektor industri yang pesat di kawasan bandar. Statistik menunjukkan, semasa mencapai kemerdekaan, populasi kawasan luar Bandar mencapai 91 peratus berbanding dengan populasi bandar hanya 19 peratus. Angka ini telah berubah menjadi 29 peratus populasi luar bandar dan 71 peratus populasi bandar pada tahun 2010. Kadar urbanisasi bagi seluruh Malaysia pada tahun 1980 adalah 34.2 peratus, kemudian meningkat kepada 51.1 peratus pada tahun 1991, 61.8 peratus pada tahun 2000 dan 71 peratus pada tahun 2010 (KS. Jomo & CH. Wee, 2014).

Pembangunan ekonomi dan pekerjaan

Dalam menghadapi ledakan permintaan terhadap pekerjaan, Malaysia telah meningkatkan perbelanjaan awam, melaksanakan dasar fiskal yang mengembang supaya kekayaan negara akan digunakan semula dalam pengeluaran dan penggunaan (consumption), untuk mencapai keseimbangan antara penawaran dan permintaan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Dengan memperluaskan perbelanjaan kerajaan, termasuk penggunaan awam dan pelaburan awam, permintaan agregat akan semakin meningkat, sekali gus mencipta pelbagai peluang pekerjaan dan menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi. Untuk merangsang permintaan terhadap pelaburan sosial, kerajaan mengambil langkah meningkatkan perbelanjaan awam termasuk projek-projek pembangunan dan lain-lain perbelanjaan, melaksanakan defisit bajet bagi merangsang aktiviti ekonomi negara, supaya dapat mencapai guna tenaga penuh.

Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan ekonomi Malaysia pasca-kolonial yang secara umumnya menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, sebahagian besar merupakan hasil daripada campur tangan kerajaan yang sesuai dalam ekonomi negara, bukannya pergantungan sepenuhnya kepada kuasa pasaran bebas (Jomo, K.S. & Wee, C.H. 2014). Perbelanjaan kerajaan dikatakan merupakan satu elemen penting dalam perlaksanaan perancangan pembangunan ekonomi negara (Rabiatul Adawiyah et al. 2013). Pelan Pembangunan Negara jangka masa panjang dan peruntukan belanjawan setiap tahun membayangkan usaha kerajaan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara di samping memastikan kekayaan negara diagihkan kepada seluruh rakyat dengan adil. Ini boleh dibuktikan dengan jumlah perbelanjaan kerajaan yang semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2010, jumlah perbelanjaan kerajaan adalah sebanyak RM204.4 bilion berbanding dengan tahun 2000 hanya sebanyak RM84.4 bilion.

Norain et al. (2010) menyatakan bermula pada tahun 1980-an, tindakan kerajaan membangunkan sektor perindustrian serta mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kenyataan ini dibuktikan oleh kajian Jomo dan Wee (2014) yang menyatakan strategi perbelanjaan awam yang mengembang diteruskan selepas Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri pada pertengahan tahun 1981. Walau bagaimanapun, perkembangan perbelanjaan awam menjadi perlahan pada pertengahan tahun 1982 kerana kemelesetan ekonomi global tetapi kerajaan melabur modal yang banyak ke dalam sector industri berat kerana tidak dapat menarik minat pelabur asing. Selain daripada itu, Jomo dan Wee (2014) turut membahagikan pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada beberapa peringkat iaitu zaman Perikatan (1957-1969), dekad pertama Dasar Ekonomi Baru (1970-1980), peringkat perindustrian berat, Dasar Pandang Timur dan sector perkhidmatan (1981-1985), peringkat penswastaaan (1986-1997), peringkat pengurusan krisis (1997-2003) dan peringkat selepas Mahathir (2003-kini) dan melaporkan bahawa melainkan pada

zaman Perikatan dimana ekonomi masih banyak dipengaruhi oleh kuasa koloni telah mengamalkan ekonomi kebebasan pasaran, sejarah pertumbuhan ekonomi Malaysia telah menyaksikan kerajaan Malaysia banyak mencampur tangan dalam ekonomi Negara bagi memastikan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Pembangunan ekonomi berterusan terutamanya perkembangan sektor perindustrian telah mengiatkan lagi berkembangannya urusan antara pelbagai industri. Perkembangan aktiviti perniagaan ini telah menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan perhubungan, logistik, kewangan dan pentadbiran turut berkembang dengan cepat. Peningkatan pendapatan per kapita dan urbanisasi yang berlaku ekoran daripada pembangunan ekonomi negara juga membawa kepada peningkatan taraf hidup seluruh masyarakat secara keseluruhan seterusnya membawa kepada peningkatan dalam permintaan kepada pelbagai perkhidmatan pengguna (Jomo, K.S. & Wee, C.H. 2014) seperti kesihatan, keselamatan, riadah, kemudahan infrastruktur, pelancong, pengangkutan dan banyak lagi. Rentetan daripada itu, sektor perkhidmatan dan penjualan akan membangun sebagai satu industri penting dalam ekonomi negara (Zairon 1996). Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, sektor perkhidmatan akan diperkukuhkan dan dipermodenkan untuk dijadikan sebagai sokongan kepada perkembangan aktiviti perindustrian dan pembinaan.

Menurut Nur Azura et.al (2012), sektor perkhidmatan telah muncul sebagai sektor yang mendominasi dalam sumbangan GDP negara berbanding dengan sektor-sektor lain. Pada tahun 2000 peratus sumbangan sektor perkhidmatan terhadap GDP negara mencapai 45.2 peratus. Kajian yang sama, Index Malmquist telah digunakan sebagai pengukur dan mendapati industri perkhidmatan di Malaysia semakin meningkat terutamanya bagi tingkat produktiviti. Keputusan ini selari dengan keputusan kajian Zairon (1996) yang menyatakan sektor ketiga iaitu sektor perkhidmatan telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kegiatan ekonomi negara dalam tiga dekad yang lepas. Walau bagaimanapun, kajian Jomo, K.S. & Wee, C.H. (2014) mendedahkan kepada pembaca bahawa dasar buruh negara yang mengenakan banyak sekatan kepada pembentukan dan perkembangan kesatuan sekerja telah mengurangkan kuasa rundingan pekerja sektor perkhidmatan juga merupakan salah satu faktor penyumbang kepada pertumbuhan produktiviti sektor ini. Selain daripada itu, satu lagi peranan sektor perkhidmatan iaitu sebagai penyerap pengangguran semasa pertumbuhan ekonomi perlahan tidak banyak ditunjukkan dalam data rasmi kerana ia biasanya berlaku pada sektor tidak formal yang tidak diambil kira dalam perangkaan rasmi (Jomo, K.S. & Wee, C.H. 2014).

Guna tenaga buruh mengikut tahap pendidikan

Selain untuk merangsang kapasiti pengeluaran, perbelanjaan awam yang besar juga dilaburkan kepada pendidikan, kemajuan teknologi, penyediaan infrastruktur serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Melalui kelayakan pendidikan yang tinggi seterusnya dapat menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang tinggi, kerajaan berharap dapat menghasilkan modal insan yang mempunyai daya saing yang kuat terutamanya dalam dunia globalisasi ini. Jika kita gagal menyediakan suatu persekitaran yang kondusif dan menyediakan peluang peningkatan sendiri yang mencukupi pasti akan memberikan kesan yang kurang baik serta lebih meruncing dalam persaingan global yang sengit memandangkan modal insan berkualiti akan tertarik ke negara yang menyediakan peluang paling baik. Jika Malaysia gagal menanganinya maka sudah pasti terdapat jurang yang luas untuk Malaysia mencapai modal insan bertaraf dunia dan risiko untuk ketinggalan semakin bertambah. Ini di burukkan lagi apabila pada masa kini, hanya 23 peratus sahaja daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia mempunyai pendidikan tertiary berbanding dengan kadar purata bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), iaitu hampir 28 peratus dan mencecah 35 peratus di Singapura dan Finland.


Anker & Hein (1986) berhujah bahawa sekurang-kurangnya pendidikan peringkat menengah diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan "berkolar-putih". Individu dengan tahap pendidikan yang tinggi cenderung untuk hidup dalam pendapatan isi rumah yang tinggi kerana taraf pendidikan memberi kesan langsung ke atas pendapatan, di samping kecenderungan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan terjamin (Hanushek dan Kimko, 2000). Manakala Individu yang rendah tahap pendidikannya cenderung untuk berhadapan dengan masalah ekonomi (Imazeki dan Reschovsky, 2003) selain lemah dalam pendidikan akan mendorong individu untuk hidup dalam kemiskinan (Preston dan Elo, 1996).

Bagi mengelakkan Malaysia daripada terus ditinggalkan maka pelaburan yang besar dalam pendidikan lepasan menengah dan tertiar telah digerakkan. di mana pada masa kini, Malaysia telah menubuhkan 20 universiti awam dan 26 universiti swasta serta 405 institusi latihan kemahiran awam dan 584 institusi latihan kemahiran swasta. Selain itu, pendidikan teknikal dan latihan vokasional turut diberikan perhatian dengan cara mengarus perdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti seterusnya dapat meningkatkan kompetensi siswazah sebagai persediaan untuk memasuki pasaran pekerjaan. ini berikutan kadar purata enrolment pelajar yang memasuki aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah atas bagi negara OECD adalah 44 peratus, berbanding hanya 10 peratus di Malaysia.

Perubahan ini perlu di gerakan segera seperti mana yang telah di lakukan di Jerman. Di mana sistem pendidikan Jerman telah memperlihatkan 60 peratus - 70 peratus daripada 1.6 juta pelajar memasuki sekolah Vokasional dan sistem ini telah berjaya apabila kadar pengangguran siswazah dapat dikurangkan kepada 3 peratus.

Oleh sebab itu pendidikan sangat penting dalam konteks kesejahteraan ekonomi kerana ia boleh memimpin individu ke arah pemerolehan pendapatan tidak-terhad (Marx, 1964, 1971), melalui keterlibatan dalam kepelbagaian tugas, tidak bersifat rutin, serta mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran dan perkembangan ilmu (Wooding dan Levenstein, 1999). Sifat kerja seumpama ini boleh mengurangkan perasaan ketegangan individu seterusnya para pekerja dapat mengawal proses buruh. Ini dapat dilihat apabila Individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan status tugas yang sesuai dengan pendidikannya berpeluang melibatkan diri sebagai penentu arah, kawalan, dan perancang kerja (Coleman, 1990).

Rajah 1.1 Keperluan Malaysia Untuk Merapatkan Jurang Perbezaan Bagi Mencapai Ciri Modal Insan Bertaraf Dunia.



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi

Kajian yang telah dijalankan oleh Rahmah Ismail (2009) melihat kesan modal insan yang berperanan menentukan produktiviti buruh terhadap hasil yang dikeluarkan (output) dengan melihat kadar pertumbuhan output daripada produktiviti buruh yang sedia ada, manakala Palazuelos dan Fernandez (2009) yang telah membuat kajian di negara-negara Eropah terhadap pertumbuhan produktiviti buruh telah mendapati bahawa kelembapan pertumbuhan produktiviti di negara tersebut dikaitkan dengan kelemahan dalam permintaan domestik, yang mana ia dipengaruhi oleh penggunaan teknologi baru, tahap pendidikan buruh serta institusi yang berperanan menentukan tahap perkembangan produktiviti buruh.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti tren guna tenaga mengikut sektor pekerjaan di Malaysia sepanjang tempoh dua belas tahun bermula tahun 2001 hingga 2012, dan
- Mengenalpasti tren guna tenaga mengikut tahap pendidikan di Malaysia sepanjang tempoh dua belas tahun bermula tahun 2001 hingga 2012.

METODOLOGI


Dalam kajian ini, data sekunder daripada Jabatan Perangkaan Malaysia telah digunakan untuk membuat analisis. Data yang diperolehi merupakan koleksi pemerhatian yang diperolehi melalui pengukuran berulang dari masa ke masa. Bilangan guna tenaga dan tahap pendidikan tertinggi pekerjaan telah secara konsisten diukur pada sela masa satu tahun sekali dari 2001 hingga 2012. Ini menjadikan data yang diperolehi merupakan satu set data siri masa. Maka, kaedah analisis siri masa telah digunakan untuk memperoleh pemahaman

terhadap pasaran guna tenaga di Malaysia.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bilangan guna tenaga buruh Malaysia meningkat secara konsisten dari 9357 ribu pada tahun 2001 ke 12723.2 ribu pada tahun 2012. Ini juga bermaksud sebanyak 3366.2 ribu peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam tempoh 12 tahun tersebut.

Rajah 1.2 - Tren Guna Tenaga Buruh Tahun 2001-2012




Rajah 1.3 - Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Perkerjaan, 2001-2012



Negeri Selangor (tidak termasuk wilayah persekutuan Kuala Lumpur) merupakan negeri yang paling banyak membekalkan peluang pekerjaan iaitu sebanyak 2762.4 ribu pekerjaan pada tahun 2012. Angka ini hampir dua kali ganda lebih daripada negeri Sabah yang duduk di tempat kedua dengan membekalkan 1494.5 ribu pekerjaan. Negeri Johor mempunyai bilangan guna tenaga yang hampir sama dengan Sabah iaitu 1476.4 ribu pekerja, kemudian diikuti oleh Sarawak dengan 1133 ribu pekerja. Jumlah guna tenaga buruh dalam empat

negeri tersebut telah merangkumi 54 peratus daripada guna tenaga seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, jika dilihat daripada komposisi sektor pekerjaan, sebahagian besar guna tenaga negeri Sabah dan Sarawak wujud dalam sektor pekerjaan pertanian, operator dan pekerja asas, iaitu masing-masing dengan 46 peratus dan 43 peratus. Ini menyebabkan kedua-dua negeri ini masih belum tersenarai sebagai negeri yang kaya dalam Malaysia walaupun mempunyai bilangan guna tenaga yang tinggi, selain faktor bahawa kedua-dua negeri ini merupakan negeri yang luas dan mempunyai banyak kawasan pedalaman. Negeri yang mencatatkan paling kurang bilangan guna tenaga ialah negeri Perlis dengan 87 ribu diikuti dengan Melaka dan Terengganu masing-masing dengan 355.3 ribu dan 389 ribu. Ini menunjukkan kegiatan ekonomi dalam tiga negeri ini masih lagi belum dapat bersaing dengan negeri lain.

Rajah 1.4 Perbandingan Peratusan Guna Tenaga Mengikut Sektor Pekerjaan Antara Tahun 2001 Dengan 2012



Data yang diperolehi mengelaskan sektor pekerjaan mengikut klasifikasi "Piawaian Pengelasan Pekerjaan, Malaysia (MASCO) 1998". Sembilan sektor pekerjaan yang disenaraikan merupakan 1. Penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus, 2. Profesional, 3. Juruteknik dan profesional bersekutu, 4. Pekerja perkeranian, 5. Pekerja perkhidmatan dan pekerja kedai dan jurujual, 6. Pekerja mahir pertanian dan perikanan, 7. Pekerja pertukangan dan yang berkaitan, 8. Operator loji dan mesin serta pemasang, dan 9. Pekerjaan asas. Dalam piawaian ini, jenis-jenis pekerjaan yang terlibat dalam industri perkhidmatan terbahagi dalam tiga kelas iaitu sektor professional, sektor juru teknik dan professional bersekutu dan sektor perkhidmatan dan jualan.

Industri perkhidmatan yang melibatkan tiga sektor yang tersebut ini menunjukkan peningkatan bilangan guna tenaga yang paling ketara dengan peningkatan yang berterusan dari 30.7 peratus kepada 40.5 peratus daripada jumlah guna tenaga seluruh negara bagi tahun 2001 hingga 2012. Jumlah bilangan guna tenaga buruh yang terlibat dalam tiga sektor ini mencapai 5156.3 ribu pada tahun 2012 berbanding dengan hanya 2874.4 ribu pada tahun 2001, iaitu penambahan bilangan guna tenaga sebanyak 1.8 kali ganda. Industri perkhidmatan termasuk sektor perkhidmatan awam seperti kesihatan, pendidikan, keselamatan dan sebagainya dengan menawarkan guna tenaga sebanyak 40.5 peratus daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2012 telah berkembang dengan pesat dan menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Dapatan ini selari dengan dapatan Jomo, K.S. & Wee, C.H. (2014) yang menunjukkan industri perkhidmatan telah menyumbang 50.4 peratus daripada pengeluaran kasar dalam negara pada tahun 2012. Sektor yang menunjukkan penurunan guna tenaga adalah sektor pertanian dan sektor operator dan pemasangan dengan masing-masing pada kadar 13.5 peratus dan 15.8 peratus pada tahun 2001 manakala 9.2 peratus dan 12.2 peratus pada tahun 2012.

Kesemua negeri di Malaysia menunjukkan peratusan guna tenaga yang tinggi dalam sektor perkhidmatan dan jualan. Selain daripada sektor ini, corak guna tenaga negeri-negeri yang mengalami kadar urbanisasi yang lebih tinggi iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pulau Pinang cenderung kepada sektor operator dan pemasangan. Sabah, Sarawak, Terengganu, Perlis, Pahang, Kelantan dan Kedah pula merupakan negeri-negeri yang mempunyai peratus guna tenaga dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang

melebihi purata guna tenaga dalam sektor ini di seluruh Malaysia dengan negeri Kelantan paling tinggi mencapai 20.9 peratus diikuti dengan Sarawak dengan 20.3 peratus. Negeri yang kurang kadar perbandaran ini juga cenderung menawarkan lebih banyak kerja dalam sektor pertukangan berbanding dengan negeri mencapai kadar perbandaran yang lebih tinggi. Perbezaan corak guna tenaga ini turut memberi kesan kepada kadar kemiskinan di negeri-negeri tersebut. Pada tahun 2009, negeri-negeri yang mencapai kadar perbandaran yang tinggi (selain daripada Perak) mempunyai kadar kemiskinan antara 0.5 hingga 1.3 peratus, manakala negeri-negeri lain mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi iaitu antara 2.1 hingga 6.0 peratus (Economic Planning Unit). Sabah mencatatkan kadar kemiskinan yang jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri lain iaitu dengan 19.2 peratus. Kajian selanjutnya harus dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan Sabah mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi sedangkan dapatan kajian ini menunjukkan Sabah merupakan salah satu negeri yang mempunyai bilangan guna tenaga yang paling tinggi.

Jadual 1.1 Kadar Kemiskinan Malaysia, 1999-2009 (%)

Negeri	1999	2004	2009
<i>Negeri lebih maju</i>			
Johor	3.2	2.0	1.3
Melaka	2.9	1.8	0.5
Negeri Sembilan	4.1	1.4	0.7
Perak	6.9	4.9	3.5
Pulau Pinang	0.7	0.3	1.2
Selangor	1.9	1.0	0.7
<i>Negeri kurang maju</i>			
Kedah	14.2	7.0	5.3
Kelantan	15.2	10.6	4.8
Perlis	9.8	4.0	2.1
Pahang	13.6	6.3	6.0
Sabah	23.4	23.0	19.2
Sarawak	10.9	7.5	5.3
Terengganu	22.7	15.4	4.0
Malaysia	8.5	5.7	3.8


Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Penurunan berterusan guna tenaga dalam sektor pertanian, perikanan dan perlombongan serta sektor operator mesin dan logi, dan peningkatan berterusan guna tenaga sektor perkhidmatan dan jualan menunjukkan ekonomi Malaysia sedang mengalami satu perubahan dari segi struktur. Keadaan ini selari dengan dapatan literatur yang menyatakan sektor perkhidmatan akan berkembang maju selepas sektor kedua sebagai penyokong kepada perkembangan sektor perindustrian dan pembinaan. Lebih penting lagi, pertumbuhan sektor perkhidmatan boleh menguatkan ekonomi negara dengan membekalkan keperluan dalaman yang stabil dan mengurangkan kebergantungan ekonomi kepada perubahan pasaran antarabangsa. Fungsi sektor perkhidmatan ini amat penting kerana prestasi ekonomi Malaysia mudah terpengaruh dengan keadaan ekonomi global walaupun dalam jangka masa berlainan, ekonomi Malaysia terdedah kepada faktor global yang lain. Pada awalnya faktor harga komoditi amat berpengaruh, kemudiannya berubah kepada permintaan terhadap barangan pengeluaran (Jomo, K.S. & Wee, C.H. 2014). Krisis kewangan pada tahun 1997-1998 dan tahun 2008-2009 pula menunjukkan bahawa ekonomi negara kita amat dipengaruhi oleh pengaliran modal antarabangsa. Maka, dengan perkembangannya sektor perkhidmatan, kita boleh mengurangkan kebergantungan ekonomi negara kepada pasaran global sebaliknya meningkatkan pemberat keperluan domestik dalam memacukan pertumbuhan ekonomi.

Peratusan penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan di Malaysia dari tahun 2001 sehingga 2012 di paparkan dalam bentuk graf Palang. Guna tenaga dari segi pendidikan tertinggi menunjukkan peratusan guna tenaga yang memperoleh pendidikan menengah adalah amat tinggi pada tahun 2001 dengan 54.9 peratus, diikuti pendidikan rendah 24.5 peratus, pendidikan tertiar 15.4 peratus dan tiada pendidikan rasmi 5.2 peratus. Manakala pada tahun 2012 tahap pendidikan menengah masih mendahului dengan 55.7 peratus, pendidikan tertiar 24.3 peratus, pendidikan rendah 17.0 peratus dan tiada pendidikan rasmi 3.0 peratus. Di sini menunjukkan pendidikan rendah dan tiada pendidikan rasmi telah menunjukkan penyusutan manakala

pendidikan tertiar telah menampakkan peningkatan yang amat ketara daripada 15.4 peratus pada tahun 2001 kepada 24.3 peratus bagi tahun 2012. Oleh itu, boleh dikatakan guna tenaga Malaysia dari segi pendidikan tertinggi telah menunjukkan perkembangan yang positif seiring dengan matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Rajah 1.5 - Peratusan Penduduk Bekerja Mengikut Pencapaian Pendidikan, 2001-2012



Analisis bersilang menunjukkan peratusan guna tenaga yang mempunyai kelulusan pendidikan peringkat tertiar paling banyak, iaitu negeri Selangor dengan 35.7 peratus, juga mempunyai peratusan guna tenaga yang paling banyak dalam sektor pengurusan, sektor profesional dan sektor juruteknik dan profesional bersekutu dengan jumlahnya 39.7 peratus. Negeri Pulau Pinang yang mempunyai 27 peratus guna tenaga kelulusan pendidikan tertiar juga menunjukkan prestasi yang menggalakan dengan jumlah 29.1 peratus dalam tiga sektor pekerjaan yang sama. Manakala untuk negeri yang mempunyai pekerja dengan kelulusan pendidikan tertiar yang sedikit iaitu Sabah dan Sarawak masing-masing dengan 15 peratus dan 18.3 peratus hanya mampu mencapai 14.4 peratus dan 17.7 peratus dalam tiga sektor yang disebut diatas. Fenomena di sesetengah negeri agak berbeza. Di negeri Kelantan sebanyak 22 peratus pekerjajanya mencapai pendidikan tertiar tetapi hanya mempunyai 15 peratus guna tenaga dalam sektor pengurusan, profesional dan profesional bersekutu. Sebaliknya negeri Johor yang hanya mempunyai 19 peratus pendidikan tertiar mampu mencapai 22.5 peratus guna tenaga dalam tiga sektor tersebut yang sama. Daripada pemerhatian terhadap tren sepanjang 12 tahun, walaupun peningkatan peratusan kelulusan pendidikan tertiar adalah jelas bagi kesemua 13 negeri, tetapi peningkatan peratusan guna tenaga dalam sektor pengurusan, profesional dan profesional bersekutu adalah tidak jelas. Maka, kajian ini tidak dapat menyimpulkan bahawa peningkatan kelulusan pendidikan pasti akan membawa kepada pekerjaan yang lebih baik. Ini mungkin kerana masih terdapat faktor lain selain daripada tahap pendidikan yang mempengaruhi jenis pekerjaan seseorang yang tidak dikaji dalam kajian ini. Kajian lanjutan harus dijalankan dengan data primari untuk mengetahui hal ini dengan lebih mendalam.

Peratus tenaga buruh yang mempunyai pendidikan menengah adalah amat tinggi berbanding dengan kategori-kategori lain dan tidak banyak berubah untuk tempoh 12 tahun yang dikaji mungkin boleh dijelaskan dengan dasar pendidikan wajib sehingga tingkatan lima iaitu peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Dianggarkan seramai 100,000 pelajar Malaysia memasuki pasaran pekerjaan sebaik sahaja menamatkan 11 tahun persekolahan, iaitu dengan memiliki kelayakan SPM. Kumpulan pelajar ini sebenarnya mempunyai peluang yang lebih cerah jika diberikan peluang lebih awal kepada kemahiran teknikal seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang teknikal. Ini kerana, pada merekalah tenaga buruh yang digunakan bagi memenuhi pasaran buruh semasa. Namun jika mereka tidak dibekalkan dengan kemahiran yang sepatutnya maka sudah pasti pasaran buruh yang dihasilkan tidak mampu memenuhi kehendak pasaran dengan tenaga kerja mahir. Oleh itu, peningkatan kemahiran secara radikal perlu di laksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran dengan memberi tumpuan kepada keperluan strategik.

Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RM10) telah menggariskan sepuluh idea utama iaitu:

- a. Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara.
- b. Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa.
- c. Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan.
- d. Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi.
- e. Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang.
- f. Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas.
- g. Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif.
- h. Menyokong perkongsian pintar dan berkesan.
- i. Menghargai khazanah alam sekitar.
- j. Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

untuk dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan berterusan bagi membolehkan Malaysia mengatasi cabaran yang sedang dihadapi dan mencapai status negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ini kerana tiada formula yang khusus untuk pertumbuhan ekonomi mampan sebagaimana yang berlaku pada Malaysia setelah mencapai status negara berpendapatan sederhana pertumbuhan negara menjadi perlahan. Apabila upah meningkat, daya saing industri berintensif buruh akan terhakis. Dalam hal ini, peningkatan kemahiran yang meliputi seluruh spektrum guna tenaga perlu diutamakan untuk menyokong peralihan kepada industri yang berintensifkan pengetahuan. Sehubungan itu, penekanan pentingnya dasar ekonomi negara berpendapatan sederhana diselaraskan dengan keperluan ekonomi yang kian berubah (Growth Report, 2008).

Perubahan ini memerlukan Malaysia beralih dengan cara menggunakan modal insan sebagai sumber terpenting kepada ekonomi yang berintensif pengetahuan dan diterajui inovasi. Walau bagaimanapun, modal insan yang digerakkan sebagai pemacu ekonomi perlu dikawal aliran keluar modal insan yang berbakat seperti mana yang dialami sekarang selain menggalakkan kemasukan guna tenaga mahir. Di samping itu, penggunaan guna tenaga mahir perlu di seimbangkan dengan pertumbuhan produktiviti pekerja agar ia selari dengan tuntutan semasa. Namun, apa yang berlaku pertumbuhan produktiviti pekerja di Malaysia juga semakin ketinggalan dan paras produktiviti jauh lebih rendah berbanding negara yang berpendapatan tinggi di Asia bagi tahun 2009.

Setelah Transformasi ekonomi digerakkan melalui RM10 perbezaan pencapaian produktiviti buruh bagi Malaysia dan negara-negara tersebut dilihat semakin berkurang dan menampakkan jurang yang semakin mengecil. Ini kerana, modal insan yang dihasilkan pendidikan tertiar berupaya menangani perbezaan yang wujud serta dapat membekalkan tenaga kerja mahir seterusnya mampu menggerakkan pertumbuhan ekonomi tempatan. Di mana bidang pendidikan yang termasuk dalam salah satu sektor perkhidmatan dan jualan telah menampakkan peningkatan dekad ini, yang dengan sendirinya mampu menjadi ejen pembangunan. Bidang ini telah menyumbang kira-kira RM27 bilion atau 4 peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia, iaitu sebanyak RM23 bilion adalah daripada perkhidmatan pembiayaan pendidikan oleh kerajaan. tertumpu kepada pengukuhan sektor perkhidmatan pendidikan swasta dengan mempertingkatkan penggunaan dan pelaburan swasta, di samping memperluaskan eksport pendidikan (RM10). Bidang pendidikan akan menjadi sebuah perniagaan besar yang mampu memberi impak ketara kepada PNK, tersebar luas dan mampan, sambil meningkatkan standard dan meluaskan akses kepada pendidikan. Maka dengan itu, barulah Malaysia mampu untuk membangunkan modal insan berbakat bagi sebuah negara maju.

KESIMPULAN

Daripada dapatan dan perbincangan, boleh disimpulkan bahawa Malaysia sedang mengalami perubahan pada struktur ekonomi jika dilihat dari guna tenaga buruh mengikut sektor. Kepentingan industri perkhidmatan menjadi semakin kepada ekonomi negara dalam abad ke-21 ini. Sumbangan industri perkhidmatan kepada prestasi GDP negara semakin besar dan terus meningkat. Ini adalah satu tren yang perlu diberi perhatian secukupnya oleh rakyat Malaysia terutamanya bagi mereka yang bakal memasuki pasaran tenaga buruh kerana perkembangan ini turut bermaksud peluang kini terbuka luas dalam bidang perkhidmatan. Justeru itu, rakyat negara ini harus melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran tenaga buruh supaya dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing. Pendidikan merupakan satu faktor yang memberi kesan kepada peningkatan produktiviti dan daya saing. Walaupun kerajaan telah menetapkan dasar pembangunan modal insan yang memberi penekanan kepada pendidikan, tetapi jelas pendidikan di Malaysia, terutamanya pendidikan tinggi masih mempunyai ruang yang begitu luas untuk berkembang. Walau bagaimanapun, pengecutan sektor pertanian dan perikanan dalam pasaran tenaga buruh mencerminkan keupayaan Malaysia untuk meningkatkan keluaran makanan mungkin akan semakin menurun. Keadaan ini pasti akan menjejaskan keselamatan makanan Malaysia kerana dengan penambahan populasi dan penurunan keupayaan keluaran makanan, Malaysia akan semakin bergantung kepada luar negara untuk memenuhi keperluan makanan dalam negeri. Dari segi peluang, bidang pertanian juga menjadi

satu bidang yang berpotensi bagi orang yang mengenali kepentingan dan nilai strategiknya terhadap keselamatan negara.

RUJUKAN

- Anker, R. & Hein, C. (pnyt.). (1986). Sex inequalities in urban employment in the third world.
- Coleman, J.S. 1990. Equality and Achievement in education. Westview Press. Hampshire: Macmillan Academic and Professional Ltd.
- Hanushek, E.A. dan Kimko, D.D. (2000). Schooling, labor-force quality, and the growth of nations. *American Economic Review*, 90(5), 1184-1208.
- Imazeki, J. dan Reschovsky, A. (2003). Financing adequate education in Rural Settings. *Journal of Education Finance*, 29 Fall, 137-156.
- International Labour Office. (1974). International Labour Conference, 60th Session 1975. Report VIII. Equality of opportunity and treatment for women workers. Geneva:ILO.
- Jomo, K.S. dan Wee, C.H. (2014). *Malaysia @ 50: Economic Development, Distribution, Disparities*. Petaling Jaya: Strategic Information And Research Development Centre.
- Lee, C. (2011). Trade, productivity and innovation: Firm-level evidence from Malaysian manufacturing. *Journal of Asian Economics*, 22, 284-294.
- Loecker, J. D. (2007). Do exports generate higher productivity? Evidence from Slovenia. *Journal of International Economics*, 73, 69-98.
- Malaysia. (2013). *Growth Report 2008. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marx, K. (1964). *Early writings*. NY: McGraw-Hill
- Marx, K. (1971). *Alienation: Marx's conception of man in capitalist society*. NY: Cambridge University
- Norain Mod Asri, Md. Zyadi Md. Tahir dan Wook Endut. (2010). Komposisi perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi: kajian empirikal di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* (15): 23-45.
- Nur Azura Sanusi, Ea Kerian, Laina. dan Nuruzaini Hasbollah. (2012). Laluan Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan Malaysia. *Prosiding PERKEM*, 7(1), 348 - 354.
- Preston, S.H. dan Elo, I.T. (1996). Survival after age 80: letter to the editor. *New England Journal of Medicine*, 334 (8), 537.
- Rabiatul Adawiyah Mohd Dzubaidi, Rahmah Ismail dan Tamat Sarmidi. (2013). Peranan Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Pembangunan Manusia dan Pertumbuhan Ekonomi. *Prosiding PERKEM*, 7(2), 872-879.
- Ross, C. dan Wu, C.L. (1996). Education, age, and the cumulative advantage in health. *Journal of Health and Social Behaviour*, 37, 104-120.
- Wooding, J. dan Levenstein, C. (1999). *The Point of Production: Work Environment in Advanced Industrial Societies*. NY: Guilford Publications.